

Konseptualisasi Pembangunan Komuniti melalui Analisis Konsep Struktur Sosial, Teori Modal Sosial dan Perspektif Realisme Kritikal

(Conceptualizing Community Development using the Concept of Social Structure, Social Capital Theory and Critical Realism Perspective)

AHMAD SHUKRI ABDUL HAMID

Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
E-mel: shukri@uum.edu.my

Abstrak

Artikel ini membincangkan konseptualisasi pembangunan komuniti melalui analisis sosiologikal ke atas konsep struktur sosial dan modal sosial dengan berlandaskan perspektif realisme kritikal. Matlamat utama perbincangan ini ialah menghasilkan suatu kerangka kefahaman tentang konsep pembangunan komuniti dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan corak hidup berteraskan ajaran Islam. Dalam usaha mewujudkan kerangka kefahaman proses pembangunan komuniti ini teori modal sosial dan model strukturasi serta pendekatan falsafah realisme kritikal dijadikan asas teoretikal. Melalui konsep modal sosial, komuniti dilihat sebagai inkubator yang menatang sumber penting untuk keperluan individu dan kesejahteraan kelompok, dan pengembelangan tabungan dan bentuk modal sosial diuraikan sebagai faktor penting dalam proses pembangunan komuniti. Manakala model strukturasi dan pendekatan realisme kritikal pula menyediakan landasan teoritikal yang berpotensi menjelaskan elemen proses dan mekanisme yang terlibat dalam penajaan modal sosial dan seterusnya meningkatkan kefungsi komuniti. Kerangka konseptualisasi yang terhasil mampu menjana kefahaman yang lebih jitu dan bersifat bukan konvensional tentang proses dan mekanisme serta peranan institusi agama seperti masjid dan surau dalam pembangunan komuniti.

Kata kunci: *Pembangunan komuniti, komuniti agama, struktur sosial, modal sosial, realisme kritikal.*

Abstract

This article discusses the conceptualization of community development through sociological analysis of the concept of social structure and social

capital through the lenses of critical realism. The main goal of the discussion is to develop a novel conceptual framework of community development using the typical setting of a Malay community that practices the Islamic way of life as the basis. Social capital theory, structuration theory and critical realism philosophical perspective were utilized as the theoretical basis for the development of the framework. The concept of social capital regards the community as incubators for resources deemed crucial for individual and community well-being. The harnessing of these resources in the form of social capital is considered an important factor in the overall process of community development. Additionally, structuration theory and critical realism perspective provide the theoretical basis capable of delineating the processes and mechanisms involved in the production of social capital and thereby increase the community functioning. The resulting conceptual framework provides a non-conventional view of the process of community development and provides better understanding of the role of religious institutions such as the community mosque.

Keywords: *community development, religious community, social structure, social capital, critical realism.*

Pengenalan

Salah satu daripada ciri penting pembangunan komuniti dalam konteks Malaysia ialah terdapat pengaruh identiti budaya yang kuat terhadap proses pembangunan. Pengamalan budaya berbeza oleh sesebuah komuniti berbanding komuniti lain menzahirkan perbezaan yang ketara dari segi corak serta ciri pembangunan yang ditonjolkan. Bagi masyarakat Melayu di Malaysia, agama merupakan sumber identiti dan budaya yang penting dalam menentukan hala tuju pembangunan komuniti setempat. Terkandung dalam identiti dan kebudayaan berasaskan agama adalah nilai-nilai dan norma kehidupan sejagat yang disepakati dan diamalkan oleh anggota masyarakat. Menurut Sharifah Zaleha (2001), salah satu manifestasi kepentingan agama dalam masyarakat Melayu boleh dilihat dari sudut susunan ruang, di mana secara tipikalnya sesebuah komuniti Melayu sentiasa meletakkan institusi agama seperti masjid dan surau sebagai pusat komuniti. Hakikat ini meletakkan agama sebagai pembolehubah penting dalam menganalisis bagaimana dan dalam konteks apa pembangunan sesebuah komuniti boleh dikonseptualisasikan. Bertitik tolak daripada asas ini artikel ini memperihalkan proses pembangunan komuniti masyarakat Melayu dalam konteks kepercayaan dan pengamalan agama Islam sebagai fokus utama.

Artikel ini membincangkan konseptualisasi pembangunan komuniti melalui analisis sosiologi ke atas konsep struktur sosial dan modal sosial.

Perspektif realisme kritikal dijadikan lensa untuk melihat saling hubungan ini. Matlamat utama perbincangan ini ialah menghasilkan suatu kerangka kefahaman tentang konsep pembangunan komuniti dalam masyarakat Melayu yang mengamalkan corak hidup berteraskan ajaran Islam. Dalam usaha mewujudkan kerangka kefahaman proses pembangunan komuniti ini teori modal sosial dan model strukturasi serta pendekatan falsafah realisme kritikal dijadikan asas teoritikal. Melalui konsep modal sosial (Coleman, 1988; Bourdieu, 1989; Putnam, 2000; Fukuyama, 2000), komuniti dilihat sebagai inkubator yang menatang sumber penting untuk keperluan individu dan kesejahteraan kelompok, dan penggembelangan tabungan dan bentuk modal sosial diuraikan sebagai faktor penting dalam proses pembangunan komuniti. Manakala model strukturasi (Giddens, 1979; 1984) dan pendekatan realisme kritikal (Bhaskar, 1974; Archer, 1995; Sawyer, Elder-Vass, 2010) pula menyediakan landasan teoretikal yang berpotensi menjelaskan elemen proses dan mekanisme yang terlibat dalam penjanaan modal sosial dan seterusnya meningkatkan kefungsi komuniti. Kerangka konseptualisasi yang terhasil mampu menjana kefahaman yang lebih jitu dan bersifat bukan konvensional tentang proses dan mekanisme serta peranan institusi agama. Dalam konteks ini proksi kepada institusi agama diperlihatkan melalui pengamatan fungsi masjid dan surau yang terdapat dalam komuniti.

Konsep Pembangunan Komuniti

Konsep pembangunan komuniti telah wujud sejak mula munculnya corak hidup berkumuniti (Phillips & Pittman, 2009). Namun begitu dari sudut konseptual, pembangunan komuniti merupakan fenomena yang berakar umbi di Amerika Syarikat, di mana ia telah melalui proses perkembangan yang lebih sistematik berbanding negara lain di dunia (Green & Haines, 2002). Pada awalnya pembangunan komuniti hanyalah merupakan suatu gagasan organisasi berskala kecil yang berusaha mempertingkatkan kualiti kehidupan individu yang tinggal dalam komuniti. Organisasi bercirikan *ad-hoc* ini memainkan peranan penting yang merangkumi antara lain menyelesaikan masalah kelompok setempat seperti menyediakan keperluan perumahan, menjaga kebersihan lokasi penempatan dan menguruskan masalah kemiskinan. Entiti ini kemudiannya berkembang menjadi gagasan institusi dan amalan arus perdana (DePhilippis & Saegert, 2008), yang antara lain memperlihatkan munculnya pengaruh signifikan dari kalangan organisasi khusus yang memainkan peranan sebagai broker pembangunan komuniti, seperti misalnya *community development corporations* (CDCs) dan *community based organizations* (CBOs) di Amerika Syarikat, serta *Grameen Bank* di Bangladesh (Gittel & Vidal, 1998; Green & Haines, 2002). Versi awal idea pembangunan komuniti adalah bersifat longgar, yang mana menurut Sanders (1989) merangkumi konsep organisasi komuniti dan pembangunan ekonomi. Sanders memberi contoh kelompok utopia

seperti *The Shakers* dan *Owenites*, dan kumpulan kebajikan seperti gereja dan persatuan kebajikan sebagai antara bentuk awal organisasi pembangunan komuniti yang terdapat di negara seperti Amerika Syarikat.

Versi moden konsep pembangunan komuniti yang muncul sejak era pasca Perang Dunia Kedua pula menyaksikan wujudnya usaha konsolidasi maksud dan definisi yang lebih rapi terhadap usaha-usaha penjaan perubahan sosial sehingga membawa kepada munculnya disiplin dan profesion khusus yang dikaitkan dengan konsep ini. Pendekatan yang lebih bersistematik merupakan antara ciri utama yang membezakan usaha pembangunan komuniti era moden ini berbanding dengan usaha terdahulu yang lebih bercirikan keperluan khusus, seperti memenuhi keperluan perumahan dan intervensi terhadap golongan miskin (Gittell & Vidal, 1998). Namun perkembangan disiplin dan profesion yang berkaitan agenda pembangunan komuniti menyebabkan muncul pelbagai tafsiran terhadap skop aktiviti yang terlibat dalam proses membangunkan komuniti. Tambahan pula konsep komuniti itu sendiri turut menjadi semakin kompleks menyebabkan interpretasi yang pelbagai muncul dalam kalangan pengkaji yang juga melihat fenomena tersebut daripada sudut disiplin ilmu yang pelbagai.

Sanders (1989) mengenal pasti terdapat sekurang-kurangnya empat perspektif terhadap pembangunan komuniti yang digunapakai oleh pelbagai pihak dari latar belakang disiplin yang berbeza. Pertama, pembangunan komuniti dilihat sebagai suatu proses melibatkan perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Sesuatu komuniti boleh dikatakan telah melalui proses ini apabila berlakunya perubahan dari keadaan kebergantungan kepada agensi luar kepada keadaan tidakbergantungan, atau keupayaan komuniti untuk membuat keputusan (atau mengambil tindakan) secara dalaman (berdikari) (Green & Haines, 2002). Kedua, pembangunan komuniti dianggap sebagai suatu kaedah, atau cara untuk mencapai sesuatu matlamat. Dalam konteks ini penekanan diberikan kepada penghasilan sesuatu proses pembangunan atau pengembangan komuniti yang berlaku. Elemen proses turut dilihat sebagai berkait rapat dengan kaedah, kerana proses dan kaedah sering wujud secara seiringan. Ketiga, pembangunan komuniti sebagai suatu program. Apabila usaha pembangunan diformalisasikan, program akan terbentuk. Bahkan dalam kebanyakan senario, aktiviti pengembangan komuniti tidak dapat lari daripada memberi penekanan kepada unsur perancangan yang akhirnya dimaterialisasikan dalam bentuk program. Keempat, pembangunan komuniti juga boleh dilihat sebagai suatu bentuk gerakan. Hampir menyerupai program, akan tetapi gerakan lebih bercirikan institusi, berstruktur (birokratik) dan cenderung ke arah profesionalisme. Sebagai contoh, penginstitutionan agenda pembangunan komuniti boleh dilihat berdasarkan kecenderungan bidang kerja sosial menjadikan pengorganisasian komuniti sebagai salah satu modus intervensi utama yang digunakan untuk meningkatkan kefungsi sosial (Hardcastle, Powers & Wenocur, 2011).

Walau bagaimanapun, pendekatan yang diguna pakai oleh Phillips & Pittman (2009) mempermudah pemahaman konsep ini kepada dua aspek sahaja, iaitu proses dan hasil (*outcome*). Proses merujuk kepada pembentukan dan peningkatan keupayaan untuk bertindak secara kolektif. Manakala hasil merujuk kepada tindakan kolektif yang diambil (berjaya diwujudkan) dan impak daripada tindakan kolektif tersebut, sama ada dalam bentuk fizikal, persekitaran, kebudayaan, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya, atau kesemuanya sekali. Berdasarkan gambaran ini, definisi yang dikemukakan oleh Christenson, Fendley & Robinson (1989:14) ini adalah bertepatan: “*A group of people in a locality initiating a social action process (i.e., a planned intervention) to change their economic, social, cultural and/or environmental situation*”.

Satu lagi definisi pembangunan komuniti yang dipetik oleh Sanders (1989) dari dokumen pekeliling kerajaan Amerika Syarikat melalui *International Cooperation Administration* (1956:3) memberikan gambaran lebih jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan ‘*social action process*’:

A process of social action in which the people of a community organize themselves for planning and action; define their common and individual needs and problems; make group and individual plans to meet their needs and solve their problems; execute these plans with a maximum reliance upon community resources; and supplement these resources when necessary with services and materials from governmental and non-governmental agencies outside the community.

Apa yang terangkum dalam definisi ini adalah indikator kepada hadirnya sub organisasi sosial yang terbentuk dalam komuniti dan memainkan peranan merealisasikan kehendak, keperluan dan matlamat individu. Frasa “*organize themselves for planning and action*” yang disebut dalam definisi di atas membayangkan bahawa komuniti bukan hanya terbentuk atas dasar kehadiran bersama individu dalam satu-satu lokasi semata-mata. Sebaliknya individu sentiasa berinteraksi sesama mereka dan interaksi inilah yang membolehkan elemen pengorganisasian muncul dalam komuniti. Lanjutan daripada kewujudan elemen pengorganisasian, komuniti mampu merancang serta bertindak secara agregat bagi membolehkan matlamat dicapai.

Fakta yang terakhir ini membawa tumpuan perbincangan ini kepada satu lagi konsep utama yang perlu ada dalam proses memahami pembangunan komuniti, iaitu konsep struktur sosial. Signifikan konsep struktur sosial akan lebih jelas apabila perbincangan ini ditumpukan kepada aspek teoritikal nanti.

Buat masa ini, tumpuan perbincangan akan dihalakan kepada menerangkan konsep struktur sosial dengan lebih terperinci.

Konsep Struktur Sosial

Sosiologis sering bercakap tentang struktur sosial apabila membincangkan tentang masyarakat atau kelompok. Dalam tradisi sosiologi, konsep struktur sosial begitu banyak diperdebatkan dan sering menimbulkan kekeliruan (Crothers, 1996). Hal ini kerana konsep struktur sosial diketengahkan oleh sosiologis bagi menggambarkan secara konkrit sifat realiti sosial yang pada hakikatnya bersifat kabur. Tradisi klasikal dalam disiplin sosiologi (Emile Durkheim 1951; 1964; Talcott Parsons, 1991) melihat struktur sosial sebagai suatu konsep yang memberikan gambaran tentang masyarakat dalam bentuk tertentu. Struktur sosial lazim diibaratkan seumpama struktur bangunan (Giddens, 1984; Scott & Lopez, 2000). Menurut Raymond Williams (1983: 303):

Structure was preferred to process because it emphasized a particular and complex organization of relations, often at very deep levels. But what was being studied were nevertheless living processes, whereas structure, characteristically, from its uses in building and engineering, and in anatomy, physiology and biology, expressed something fairly fixed and permanent, even hard.

Seperti yang dijelaskan oleh Williams, kajian sosial selalunya tertumpu kepada elemen proses tetapi konsep struktur sering digunakan kerana ia mampu menggarap kompleksiti yang terdapat dalam perhubungan sosial. Akan tetapi, imej struktur sosial yang digambarkan secara tegar tidak lagi dilihat sesuai bagi menggambarkan fenomena sosial yang lebih lentur dan kompleks sifatnya. Lantaran itu sosiologis kontemporari memahami konsep struktur sosial dengan cara yang berbeza. Analogi struktur bangunan tidak sesuai digunakan bagi memperihalkan sifat alam sosial yang bersifat kabur dan subjektif. Sebaliknya mereka mencadangkan bahawa struktur sosial perlu dilihat dalam konteks kemunculan (*emergence*) atau sifat (*properties*) dan bukannya suatu yang wujud secara objektif dan terpisah dari individu atau pengalaman sosial (Giddens, 1984; Smith, 2003; Stones, 2005; Elder-Vass, 2010).

Landasan falsafah realisme kritikal (Sayer, 1992; Collier, 1994; Archer, 1995; Bhaskar, 2008; Elder-vass 2010) mengkonseptualisasikan struktur sosial berdasarkan ciri kemunculan (*emergent properties*). Konsep

ciri kemunculan membawa maksud kuasa suatu entiti yang yang muncul hasil gabungan komponen entiti tersebut dan bukannya dalam komponen itu sendiri. Apabila entiti memiliki kuasa tersebut, ia mampu memberi kesan tertentu terhadap entiti yang lain. Struktur sosial menurut pendokong fahaman realisme kritikal memiliki ‘realiti’ yang tersendiri yang menyebabkan ianya mampu memberi kesan kepada entiti lain. Idea ini mempunyai persamaan dengan konsep ‘*social fact*’ yang dikemukakan oleh tokoh sosiologis klasik, Emile Durkheim (1951, 1964). Akan tetapi, kapasiti yang ada itu bukan terletak pada struktur sosial itu sebagai unsur yang bersifat monolitik. Sebaliknya kuasa yang dimiliki struktur sosial bergantung kepada komposisi elemen yang bergabung dalam mewujudkan struktur sosial itu sendiri. Bahkan setiap elemen yang membentuk struktur itu memiliki kapasiti impaknya yang tersendiri, yang muncul hasil gabungan komponen yang lebih asas lagi. Perumpamaannya adalah seperti air yang dikatakan memiliki ciri kemunculan dalam bentuk kapasiti untuk memadamkan api. Air adalah entiti struktural yang dimaksudkan sebagai unsur yang memiliki kapasiti impak yang spesifik iaitu memadamkan api. Akan tetapi jika air itu dipecahkan kepada komponen asasnya, maka kapasiti tadi akan hilang, bahkan setiap komponen air itu akan memiliki ciri yang berbeza sama sekali dengan ciri sewaktu ianya wujud dalam konfigurasi struktural tadi. Hidrogen dan oksigen, dua unsur yang membentuk air, secara berasingan masing-masing memiliki keupayaan yang bertentangan dengan sifat air, iaitu kedua-duanya mampu memadamkan api.

Menurut Elder-Vass (2010), potensi utama interpretasi realisme kritikal ini ialah keupayaan untuk memetakan proses yang mewujudkan struktur sosial dari peringkat bawah sehinggalah kepada tahap kemunculan. Ini amat berkaitan dengan salah satu dilema utama dalam disiplin sosiologi, iaitu memahami fenomena mikro-makro atau disebut juga sebagai masalah struktur–agensi. Isu mikro-makro dalam sosiologi mendapat perhatian ramai sosiologis dan masih lagi diperdebatkan. Antara tokoh sosiologis yang cuba merungkai persoalan ini termasuklah Anthony Giddens, Jonathan Turner dan Nicos Mouzelis. Di samping itu ia juga boleh dijadikan asas teori bagi menjelaskan bagaimana entiti sosial yang berkaitan dalam proses penjaan struktur sosial itu muncul serta apakah implikasi kuasa yang terhasil daripada kemunculan itu. Dimensi makro dan mikro merujuk kepada dua tahap organisasi sosial yang meletakkan individu dan sistem sosial dalam dua kategori analitikal yang berasingan. Wujudnya pemisahan analitikal antara kedua tahap ini telah menyebabkan landskap disiplin sosiologi terpecah kepada dua. Satu pihak cenderung ke arah meneliti subjek sosiologi dalam konteks mikro dan berpusat kepada individu aktor sosial (penjelasan atau teori yang digunakan lebih mengutamakan peranan individu dalam dunia sosial yang dianggap lebih utama berbanding dengan corak atau sistem sosial), manakala di satu pihak lain, kecenderungan lebih tertumpu kepada fenomena sosial yang lebih luas, bercirikan institusi dan bersifat sistemik (bagi golongan ini

individu sentiasa dilihat sebagai subjek kepada pencorakan sosial yang lebih luas, lantas mengeneipikan kepentingan individu dalam analisis sosiologikal). Anthony Giddens merupakan antara tokoh sosiologis yang cuba merungkaikan persoalan berkaitan hubungan antara dua alam sosial ini.

Giddens berpandangan bahawa adalah lebih baik bagi disiplin sosiologi menggabungkan kedua-dua dimensi fenomena sosial ini ke dalam satu kerangka pemahaman yang bersepadu dan holistik. Melalui teori strukturasi, Giddens (1984) mencadangkan bahawa terdapat saling hubungan yang rapat antara individu dan institusi sosial. Beliau menolak prinsip dualisme (pemisahan antara dimensi mikro dan makro) dan mencadangkan prinsip kedualan (*duality*) yang cuba diperjelaskan melalui proses strukturasi (*structuration*). Proses strukturasi melibatkan kitaran dialektik antara dua dimensi sosial yang mewakili tahap organisasi sosial mikro dan makro. Giddens menjelaskan bahawa struktur sosial dan individu adalah dua dimensi kepada fenomena yang sama. Beliau menolak kewujudan struktur sosial yang berasingan daripada individu. Hal ini kerana struktur sosial adalah produk daripada tindakan individu yang menjadi agen sosial dan pada masa sama menjadi media kepada penjaanaksi atau tindakan individu tersebut. Individu adalah aktor sosial yang memiliki kapasiti untuk bertindak atau melakukan sesuatu perkara, dan hasil perlakuan ini kemudiannya menghasilkan struktur sosial. Pada masa yang sama, struktur yang terhasil itu berperanan mengekang (*constraint*) dan membolehkan (*enable*) individu itu bertindak. Dengan kata lain proses antara kedua-dua lapisan alam sosial ini-individu dan struktur-adalah saling mengukuhkan antara satu sama lain. Melalui prinsip inilah Giddens beranggapan bahawa dimensi mikro dan makro dalam alam sosial tidak wujud secara terpisah, sebaliknya saling membentuk antara keduanya (Healy, 1998).

Skema strukturasi Giddens mendapat pengiktirafan daripada kalangan sosiologis yang melihat usaha beliau sebagai antara yang terbaik dalam usaha mewujudkan analisis gabungan antara dimensi mikro dan makro dalam sosiologi (Bryant & Jary, 2001). Namun begitu, skema Giddens masih ada kekurangan, terutama dalam memperihalkan dengan lebih jitu sifat kuasa penyebab (*causal power*) pada struktur sosial. Ini disebabkan konsepsi kolektiviti dalam skema beliau masih lagi kabur dan belum diperkembangkan sepenuhnya (Stones, 2005; Elder-Vass, 2010). Pendekatan realisme kritikal, sebaliknya meletakkan konsep kemunculan (*emergence*) dan pencarian mekanisme yang mewujudkan kuasa penyebab sebagai aspek utama dalam wacana tentang struktur sosial.

Golongan *emergentist* beranggapan bahawa struktur sosial merupakan entiti yang memiliki kuasa penyebab atau kapasiti untuk memberi impak (*causal power*) kepada persekitaran atau entiti lain. Kuasa ini diperihalkan

sebagai elemen kemunculan (*emergent properties*), iaitu kapasiti yang muncul daripada gabungan antara komponen yang terdapat di dalam, atau yang membentuk komposisi entiti tersebut. Sesuatu entiti induk adalah terdiri daripada gabungan entiti lain yang hasil daripada penstrukturan gabungan ini mewujudkan kapasiti atau kuasa yang ada pada entiti induk tadi. Konfigurasi hubungan antara entiti kecil yang menghasilkan entiti yang lebih besar digambarkan sebagai suatu susunan hierarki kuasa yang bermula daripada entiti paling kecil sehinggalah terbentuknya entiti induk. Dalam konteks sistem sosial, konfigurasi ini muncul dalam bentuk sub-sistem sosial yang bergabung membentuk sistem sosial yang lebih besar. Fenomena seperti ini telah sedia wujud dalam alam fizikal dan boleh dijadikan perbandingan. Sebagai contoh, organisme hidup merupakan entiti induk yang terhasil daripada gabungan entiti lain yang lebih kecil, seperti organ, sel, molekul dan atom. Setiap satu daripada entiti kecil ini pula merupakan sistem atau entitinya yang tersendiri (ia merupakan entiti induk kepada entiti subordinat lain). Sebuah organ biologi misalnya merupakan entiti besar yang tersendiri yang dibentuk oleh gabungan entiti kecil lain seperti sel, molekul dan atom. Begitu juga dengan sel yang terdiri daripada gabungan dan interaksi molekul, dan seterusnya sehingga ke tahap paling asas. Organisme hidup juga adalah merupakan entiti yang berkuasa (mampu berubah dan memberi impak kepada persekitaran), dan kuasa itu muncul daripada gabungan entiti yang pelbagai ini. Kuasa yang ada pada satu-satu entiti hanya muncul apabila entiti komponennya berada dalam konfigurasi yang betul. Fenomena ini dirumuskan oleh Elder-Vass (2010: 66) seperti berikut:

...a causal power or emergent property is a capability of an entity to have a certain sort of causal effect on the world in its own right – an effect that is something more than the effects that would be produced by the entity's parts if they were not organised into this sort of whole.

Modal Sosial Sebagai Ciri Kemunculan

Artikel ini cuba memperlihatkan bagaimana konseptualisasi pembangunan komuniti boleh dihasilkan melalui kefahaman terhadap dua konsep utama dalam disiplin sosiologi: struktur sosial dan modal sosial. Seksyen sebelum ini telah mengupas persoalan berkaitan sifat struktur sosial. Struktur sosial boleh dirumuskan sebagai entiti yang terhasil daripada gabungan entiti lain yang saling berinteraksi dalam suatu konteks perhubungan sosial yang spesifik. Hasil pengorganisasian entiti ini—daripada entiti paling asas sehinggalah entiti paling tinggi dalam hierarki susunan entiti yang membentuk struktur—muncul kuasa atau kapasiti tertentu yang dijemakan dalam bentuk keupayaan sesuatu

struktur sosial memberi kesan kepada persekitaran atau entiti lain. Sebagai perumpamaan, sesebuah komuniti boleh dikatakan lahir daripada gabungan entiti pelbagai yang terdapat dalam komuniti tersebut—individu, keluarga, kelompok, institusi, dan sebagainya—dan konfigurasi perhubungan antara entiti komponen ini akhirnya menjana kuasa bagi komuniti tersebut untuk beroperasi sebagai satu entiti yang tersendiri. Antara manifestasi wujudnya kuasa pada sesebuah komuniti adalah wujudnya tabungan modal sosial yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan dan pengembangan komuniti. Potensi serta keupayaan modal sosial ditukar menjadi input untuk pembangunan komuniti telah dikenalpasti oleh ramai pengkaji (Woolcock, 2001; Dasgupta & Serageldin, 2001; Halpern, 2005; DePhilippis & Saegert, 2008). Terkini ialah dapatan oleh Onyx dan Leonard (2010) yang melakukan kajian intervensi terhadap komuniti di Australia. Hasil kajian mereka mendapati modal sosial memiliki potensi untuk memajukan komuniti. Tetapi pada masa sama, mobilisasi modal sosial tidak berlaku secara automatik. Modal sosial perlu digembeleng melalui pelbagai mekanisme dan digabungkan dengan bentuk modal lain bagi membolehkan ia menjadi efektif dalam membangunkan komuniti.

Kesarjanaan sosiologi kontemporari telah mengenal pasti konsep modal sosial sebagai berpotensi digunakan untuk menganalisis fenomena sosial dan menjadi platform yang ampuh bagi tujuan penyelesaian kepada gejala sosial atau lain-lain isu berkaitan fenomena sosial. Konsep ini telah digunakan secara meluas dalam wacana sosiologi untuk memperihalkan tentang sumber sosial yang berpotensi dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan. Antara peneraju dalam konteks ini ialah organisasi Bank Dunia yang telah mewujudkan inisiatif modal sosialnya yang tersendiri. Melalui inisiatif ini, modal sosial dilihat sebagai antara aset penting bagi sesebuah negara atau komuniti yang boleh dimanipulasi serta dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan (Dasgupta & Serageldin, 2001). Selain itu, konsep ini juga telah digunakan secara meluas oleh penganalisis dan pengkaji untuk meneroka serta memahami pelbagai isu dan gejala sosial sama ada pada peringkat individu, komuniti mahupun negara (Bourdieu, 1986; Coleman, 1988; Putnam, 2000; Krishna, 2002). Satu lagi dimensi aplikasi yang dikaitkan dengan konsep ini yang dilihat relevan dengan perbincangan artikel ini ialah hubungkait modal sosial dengan kehidupan kelompok agama (Schneider, 2006; Putnam & Campbell, 2010; Ahmad Shukri Abdul Hamid & Mohammad Reevany Bustami, 2010).

Modal sosial didefinisikan sebagai hubungan antara individu yang merangkumi rangkaian sosial, dan norma timbal balas serta kepercayaan yang muncul daripadanya (Putnam, 2009). Dalam konteks komuniti, modal sosial mewakili tabungan sumber yang berpotensi dihasilkan melalui perhubungan atau rangkaian yang wujud dalam komuniti tersebut. Dengan adanya tabungan sumber sebegini, sesebuah komuniti memiliki keupayaan dalaman

untuk bergerak dan mewujudkan situasi kondusif untuk berkembang. Para penganalisis berbeza pendapat mengenai sifat sebenar modal sosial. Salah satu konseptualisasi yang diterima umum membahagikan modal sosial kepada dua bentuk asas, iaitu modal sosial individu dan modal sosial kelompok. Krishna (2000) menamakan kedua-dua bentuk modal sosial ini sebagai modal sosial berasaskan hubungan (*relational capital*) dan modal sosial institusi (*institutional capital*). Modal sosial berasaskan hubungan wujud pada tahap individu. Ia terbentuk dalam konteks sosial yang menekankan hubungan yang bersumberkan nilai dan kepercayaan (yang dimiliki individu secara dalaman) individu berkenaan. Pierre Bourdieu (1986) misalnya melihat modal sosial sebegini sebagai lahir daripada kedudukan individu dalam kelompok, dan penerimaan individu tersebut terhadap nilai kelompok, dan ianya berkait rapat dengan pemilikan modal lain oleh individu perorangan seperti modal ekonomi (status, harta, kekayaan dan sumber fizikal) dan modal insan (ilmu, kelayakan dan kemahiran). Modal sosial institusi pula muncul daripada interaksi sosial yang berasaskan kepada corak perhubungan yang telah terinstitusi. Ini termasuklah norma sosial, peraturan, undang-undang dan isbat yang telah ditentukan oleh kelompok di mana interaksi itu berlangsung (Coleman, 1988). Coleman (1988, 1990), antara tokoh sosiologis terawal mengupas konsep modal sosial memberikan contoh bagaimana modal sosial berfungsi dan memberi manfaat kepada aktor sosial yang terlibat. Dalam kalangan peniaga berlian berbangsa Yahudi tahap kepercayaan yang wujud sesama mereka sangat tinggi. Dalam proses jual beli permata berharga ini, mereka sering bertukar-tukar barangan tanpa disusuli dengan sebarang bentuk perjanjian atau insurans. Meskipun jumlah tukaran barangan mampu mencecah ratusan ribu dollar, mereka berasa selesa bertukar barangan secara terbuka tanpa ikatan perjanjian formal disebabkan wujud tahap kepercayaan yang tinggi serta norma perniagaan yang kukuh sesama mereka. Sebarang penipuan atau pelanggaran norma seseorang peniaga akan dikenakan sekatan yang kuat (misalnya dalam bentuk boikot) oleh peniaga yang lain. Tanpa perjanjian atau proses insurans, perniagaan mereka berlangsung secara sangat efisien, mudah dan cepat. Ini antara kelebihan modal sosial (dalam konteks ini kepercayaan yang wujud hasil interaksi berpanjangan dan nilai yang dikongsi bersama adalah bentuk modal sosial yang dimaksudkan). Sumber kepada lahirnya modal sosial sebegini berkait rapat dengan latar belakang sesebuah komuniti itu sendiri. Komuniti yang diasaskan kepada corak perhubungan yang rapat dan mesra, serta didasari juga dengan kehadiran norma serta aturan kelompok yang kuat, berpotensi menghasilkan tabungan modal sosial yang lebih besar.

Berdasarkan kupasan di atas, kehadiran modal sosial dalam sesebuah komuniti boleh dikonsepsikan ke dalam dua konteks analitikal berikut: a) modal sosial adalah sumber yang berguna untuk membolehkan komuniti berfungsi dan berkembang. Keadaan ini merujuk kepada potensi yang hadir melalui kewujudan tabungan modal sosial dalam komuniti untuk mewujudkan

perubahan kepada komuniti tersebut. b) modal sosial adalah sesuatu yang muncul daripada gabungan pelbagai faktor yang terdapat dalam konteks sosial. Dalam komuniti, modal sosial dimaterialisasikan daripada: i) pemilikan dan kehadiran modal lain yang berpusat kepada individu ataupun yang hadir secara semulajadi sebagai sebahagian daripada landskap komuniti (misalnya sumber semulajadi), dan ii) perhubungan yang wujud antara ahli komuniti. Hubungan sosial (*network*) yang wujud antara ahli komuniti menjadi pemangkin kepada penggabungan modal sosial serta modal lain.

Berdasarkan kupasan yang dibuat berkaitan struktur sosial di atas, maka kehadiran modal sosial sebagai suatu bentuk sumber komuniti boleh dilihat menepati konsep kemunculan (*emergence*) seperti yang dikemukakan oleh pendokong prinsip realisme kritikal (atau golongan *emergentist*). Komuniti adalah satu bentuk organisasi sosial yang dihasilkan oleh gabungan interaksi antara ahlinya. Maka menurut prinsip realisme kritikal, komuniti adalah entiti induk yang muncul hasil gabungan entiti kecil yang diwakili oleh individu atau unit sosial yang lebih kecil seperti keluarga dan kelompok. Modal sosial yang wujud dalam entiti kecil dalam bentuk ciri kemunculan (*emergent properties*), secara kolektif menyumbang kepada tabungan modal sosial komuniti dan meningkatkan kapasiti komuniti untuk berkembang. Oleh yang demikian, sekiranya dalam sesebuah komuniti wujud ramai individu yang memiliki kemahiran atau sumber peribadi yang banyak (termasuk tabungan modal insan), maka komuniti tersebut berpotensi memiliki kuasa penyebab (*causal power*) yang tinggi, kesan daripada gabungan sumber ini. Begitu juga, sekiranya dalam komuniti wujud tahap kerjasama dan rangkaian sosial yang utuh, maka modal sosial yang terhasil daripada usaha kerjasama itu akan turut menyumbang kepada kapasiti komuniti untuk berkembang dan membangun. Namun, potensi modal sosial yang wujud secara individu dan kelompok perlu saling menyokong antara satu sama lain. Disebabkan modal sosial komuniti merupakan sebahagian ciri kemunculan (*emergent properties*), maka konfigurasi saling hubungan atau interaksi antara entiti kecil adalah penting bagi memastikan entiti induk mampu menzahirkan ciri kemunculan tersebut (Elder-Vass, 2010).

Kerangka Konseptualisasi Pembangunan Komuniti

Dalam usaha memahami proses dan mekanisme pembangunan komuniti, antara cabaran yang perlu dilalui oleh kebanyakan pengkaji ialah mewujudkan kefahaman atau konseptualisasi yang jitu terhadap konsep dan proses pembangunan komuniti itu sendiri. Secara analogi cabaran dihadapi pengkaji sosial ini boleh disamakan dengan seorang mekanik. Cabaran bagi seorang mekanik membaiki kenderaan bukan sahaja mengetahui apa yang membolehkan sesebuah kenderaan bergerak, tetapi memahami segala selok-belok proses

(misalnya prinsip fizik dan kimia) dan mekanisme (urutan pergerakan dan saling interaksi antara komponen mekanikal) yang terlibat dalam menggerakkan kenderaan itu. Demikian halnya dengan pengkaji pembangunan komuniti yang berdepan dengan konsep pembangunan komuniti. Konsep ini boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara. Namun sekiranya konsep pembangunan komuniti mampu digarap dengan rapi, termasuk mengetahui sifat serta selok-belok interaksi antara individu dan penjelmaan institusi dan elemen organisasi maka analisis yang dibuat mampu menjadi lebih mantap dan mimik kepada realiti sebenar. Melalui kupasan terhadap fenomena komuniti berasaskan agama, perbincangan berikut ini akan memerihalkan suatu kerangka atau pendekatan teoritikal bagi memahami proses, mekanisme dan fenomena kemunculan dalam konteks pembangunan komuniti dengan menggabungkan prinsip serta konsep yang telah dibincangkan setakat ini.

Komuniti agama adalah asas untuk perbincangan berikut. Komuniti agama merujuk kepada jenis komuniti yang terbina atas dasar perkongsian sosial dan hubungan yang berpusatkan institusi agama. Hampir kesemua komuniti yang dianggotai oleh majoriti penduduk di Malaysia yang berbangsa Melayu dan beragama Islam boleh dikategorikan sebagai komuniti agama. Hal ini kerana masyarakat Melayu-Muslim secara umumnya meletakkan agama sebagai asas kepada kehidupan berkomuniti. Secara idealnya juga, individu yang berada dalam komuniti sedemikian perlu mengamalkan corak hidup yang berteraskan ajaran agama. Ini selari dengan kecenderungan umum masyarakat berkenaan yang meletakkan institusi surau atau masjid sebagai pusat komuniti. Untuk mendapatkan rumusan yang lebih sistematik tentang apa yang telah dibincangkan setakat ini, perbincangan berikut ini difokuskan kepada empat (4) aspek - struktur sosial, proses strukturasi, mekanisme dan fenomena kemunculan (*emergent properties*). Keempat-empat aspek ini bergabung menghasilkan suatu kerangka yang menghuraikan konsep pembangunan komuniti secara teoritikal.

Struktur Sosial

Apakah yang dimaksudkan dengan struktur sosial dan bagaimanakah struktur sosial yang mendasari sesebuah komuniti berasaskan agama boleh dikonseptualisasikan? Persoalan ini cuba meletakkan asas kepada kerangka pembangunan komuniti berasaskan agama melalui pemahaman tentang struktur sosial. Apresiasi terhadap bentuk struktur sosial perlu bermula dengan komposisi unit asas, iaitu individu dan corak interaksinya. Secara idealnya komuniti agama meletakkan masjid dan surau sebagai pusat kepada segala aktiviti yang berlaku dalam komuniti tersebut. Oleh yang demikian, perilaku individu yang terbentuk hasil interaksi yang dipandu arah oleh institusi agama menjadi dasar kepada penstrukturian sosial dalam konteks ini. Proses ini berlaku seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Menurut Giddens (1984),

struktur sosial hanya boleh digarapi berdasarkan tindakan dan kedudukan individu sebagai agen sosial. Struktur sosial tidak wujud secara fizikal tetapi ia hadir secara refleksif dalam pemikiran individu. Ini menjadikan individu sebagai proksi kepada struktur sosial. Tindakan serta perilaku individu dalam kehidupan seharian mewujudkan struktur secara *ad-hoc* melalui penerimaan bersama dan pencorakan tingkah laku ahli komuniti sewaktu berinteraksi.


Oleh yang demikian, struktur sosial sesebuah komuniti agama harus dilihat sebagai berlandaskan tindakan atau tingkah laku individu atau kelompok yang selari dengan preskripsi agama. Maka, elemen asas struktur sosial dalam konteks ini boleh diperhatikan melalui corak interaksi yang lazim, seperti mengerjakan solat lima waktu berjemaah, mengeluarkan zakat, bersedekah dan berpartisipasi dalam program keagamaan. Oleh sebab pusat komuniti seperti ini ditandai oleh kehadiran institusi seperti masjid dan surau, maka struktur sosial yang terhasil sentiasa ada perkaitan rapat dengan institusi ini, atau proksi yang berkaitan dengannya (misalnya imam dan jawatankuasa pengurusan masjid). Struktur sosial yang muncul ini hanyalah berbentuk idea, maka realiti kehidupan berkomuniti boleh dikatakan wujud dalam tanggapan individu tetapi masih boleh digarapi dalam bentuk corak-corak perilaku anggota komuniti (Giddens, 1984).

Proses Strukturasi

Proses strukturasi seperti yang digariskan oleh Giddens (1984) merujuk kepada interaksi antara domain agensi (tingkah laku) dan domain struktur (jelmaan struktur sosial). Daripada domain agensi lahir domain struktur yang mengandungi aturan dan sumber yang membentuk struktur sosial. Struktur sosial, menurut Giddens, berperanan sebagai pemudah dan juga sumber sekatan kepada tingkah laku individu dan kelompok. Dalam konteks komuniti agama, individu dan kelompok (selaku aktor sosial) sentiasa berada dalam proses interaksi dengan institusi agama dan proksinya. Interaksi ini didasarkan kepada peranan institusi agama sebagai sumber rujukan berkaitan norma perilaku dan aktiviti kehidupan yang sesuai dijalani ahli komuniti.

Peranan struktur sosial sebagai ejen pemudah dan sumber sekatan ini selari dengan apa yang digariskan oleh ajaran Islam seperti yang terkandung dalam ajaran serta ketetapan Al-Quran dan Sunnah. Misalnya perintah mengerjakan solat seperti yang termaktub dalam Al-Quran serta Sunnah merupakan antara bentuk ibadat utama yang ditetapkan untuk amalan setiap individu Muslim. Selain merupakan arahan ibadat, ketetapan solat juga mempunyai signifikan sosialnya yang tersendiri. Antaranya ibadat solat berfungsi mengekang individu daripada melakukan perkara yang terlarang (unsur sekatan) dan pada masa sama berperanan membuka ruang interaksi

sesama individu, terutama melalui sarana agar solat dilakukan secara berjemaah (unsur pemudah). Dalam konteks ini domain agensi (perilaku dan perhubungan sosial sesama anggota komuniti) dan domain struktur (aturan dan sumber yang berkaitan dengan institusi agama) berkait rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (lihat Rajah 1).



Melalui kedudukan mereka sebagai ejen, individu yang terlibat dalam medan interaksi, dengan kapasiti agensi mereka turut memainkan peranan menginstitusi dan memperkukuhkan ajaran agama seperti yang dipraktikkan menjadi suatu bentuk struktur sosial yang secara relatifnya bersifat kekal. Namun pada masa yang sama, jelmaan struktur ini tidak berlaku dalam keadaan vakum, kerana institusi agama yang telah tersedia diwujudkan sebagai pusat komuniti turut menyumbang kepada pengukuhan ajaran melalui peranannya sebagai sumber norma aturan dan hukum. Apa yang terhasil daripada proses strukturasi ini menjangkau bukan sahaja pembentukan struktur sosial

maya seperti yang diperihalkan oleh Giddens, malahan ia turut membantu memperkukuhkan institusi agama yang berbentuk fizikal, seperti institusi masjid dan surau, dan unsur-unsur lain yang berkaitan dengan institusi ini.

Mekanisme

Jelmaan mekanisme amat sukar digarapi dalam konteks interaksi sebenar. Ini kerana ia kerap kali tersembunyi dalam konstitusi ejen atau proksi kepada struktur tertentu. Giddens (1984) misalnya menggambarkan kewujudan elemen mekanisme (meskipun tidak digelar sedemikian) melalui konsep modaliti (*modality*). Menurut beliau, proses strukturasi atau pembentukan struktur sosial belaku melalui perantaraan individu (ejen) yang membuat interpretasi (*modality*) terhadap aturan dan sumber yang terdapat dalam proses interaksi. Meskipun unsur modaliti ini digambarkan sebagai bersifat maya, namun karakteristik atau sifatnya menyamai apa yang boleh diklasifikasikan sebagai unsur mekanisme. Pendekatan realisme kritikal menggambarkan bahawa proses interaksi berlangsung melalui perantaraan tertentu. Ejen pengantara ini dikenali sebagai mekanisme penyebab (*causal mechanism*). Skema teori yang mengiktiraf kehadiran struktur pada tahap pertengahan ini membantu memperjelaskan lagi kesan kuasa berbanding pendekatan yang melihat perkaitan secara terus antara individu (ejen) dan struktur sosial. Menurut Elder-Vass (2010: 82-83) :

... most of the powers that have usually been attributed to societies belong to somewhat smaller and more clearly definable social entities: structures at an intermediate level between individual and society that can have more specific effects. The neglect of these intermediate levels is a common problem in treatments of social structure ”.

Dalam situasi interaksi sosial sebenar, unsur mekanisme boleh digarapi kehadirannya dalam bentuk individu atau entiti yang memainkan peranan pemudahcara dalam hubungan antara ahli komuniti dan institusi agama. Ejen organisasi yang seringkali ditemui dalam seting komuniti termasuk jawatankuasa masjid, program dan aktiviti yang dilaksanakan di bawah naungan institusi masjid dan surau, dan bentuk institusi agama lain. Unsur mekanisme juga boleh dikatakan muncul dalam bentuk individu yang melaksanakan aktiviti dakwah dan penyebaran sumber ajaran agama. Oleh itu individu dan bentuk aktiviti yang selama ini mungkin dikesampingkan dalam penilaian proses pembangunan, seperti ceramah agama, kuliah, majlis tadarus dan seumpamanya (sekadar menyebut beberapa contoh) perlu dinilai semula dan dijadikan sebahagian pemolehubah yang berperanan menyumbang kepada proses pembangunan.

Pembangunan komuniti yang difahami secara umum seringkali tidak mampu meneroka proses yang mendorong berlakunya sesuatu perubahan yang menyumbang kepada proses pembangunan. Faktor inilah yang menyebabkan kurangnya kefahaman terhadap peranan dan sumbangan yang mampu dimainkan komuniti agama dan juga institusi berkaitan seperti masjid, surau dan aktiviti keagamaan, dalam proses pembangunan. Kehadiran unsur institusi dan aktiviti seperti ini seringkali dilepas pandang atau dianggap kurang signifikan dalam konteks penjana pembangunan secara umum. Melalui apresiasi terhadap mekanisme dan modaliti seperti yang terangkum dalam teori strukturasi dan pendekatan realisme kritikal, peranan serta sumbangan entiti atau aktiviti yang mewakili struktur pertengahan ini dapat dianjurkan sebagai sebahagian daripada proses yang berperanan menyumbang kepada pembangunan komuniti.


Fenomena Kemunculan (*Emergent Properties*)

Fenomena kemunculan termasuk ke dalam kerangka realisme kritikal. Pendekatan realisme kritikal menekankan prinsip kemunculan (*emergence*) dan kuasa penyebab (*causal power*) dalam memerihalkan tentang fenomena sosial. Kemunculan berlaku pada setiap tahap interaksi atau organisasi sosial, sama ada pada tahap individu, kelompok mahupun institusi. Entiti yang dikatakan memiliki kuasa penyebab berpotensi mengubah atau memberi kesan kepada konstitusi entiti itu sendiri mahupun entiti lain di persekitaran.

Aplikasi konsep kemunculan dalam seting komuniti agama menunjukkan komuniti sebagai suatu entiti induk yang mengandungi entiti kecil lain yang saling berinteraksi dan mewujudkan suatu sistem sosial yang berfungsi serta memiliki kuasa penyebab. Pengembangan potensi yang berlaku pada tahap individu (dalam bentuk pemilikan atau akses kepada tabungan modal sosial) boleh menyumbang kepada pengembangan entiti lain, seperti institusi agama (melalui aktiviti pengimarah masjid dan aktiviti, misalnya). Modal sosial dan pengembangan fungsi adalah antara ciri yang diperihalkan oleh pendekatan realisme kritikal sebagai unsur kemunculan.

Seperti yang tertera dalam Rajah 2, antara manifestasi utama kehadiran kuasa penyebab dalam konteks komuniti agama ialah kemunculan tabungan modal sosial. Interaksi berterusan individu atau ahli komuniti di bawah naungan institusi agama berpotensi menghasilkan tabungan modal sosial yang banyak. Bagi institusi, kehadiran modal sosial ini diterjemahkan ke dalam bentuk kuasa yang bukan sahaja mampu menjana isbat bahkan juga menjadi pemangkin kepada penjana lebih banyak tabungan modal sosial. Komuniti yang menekankan kepelbagaian fungsi terhadap institusi masjid misalnya mempunyai asas yang kuat untuk menjana modal sosial yang tinggi. Ini boleh dilihat dalam konteks peranan komuniti agama sedia

ada, terutamanya komuniti yang dikira sebagai aktif dalam melaksanakan fungsi kemasyarakatan. Lazimnya, komuniti sebegini mampu menyediakan kemudahan untuk manfaat ahlinya hanya dengan bergantung kepada sumbangan dari kalangan ahli komuniti sendiri. Misalnya kebanyakan komuniti Melayu Islam menginstitusikan khairat kematian dan khidmat pengurusan jenazah sebagai sebahagian daripada fungsi tambahan kepada masjid dan surau. Kehadiran fungsi tambahan seperti ini menggambarkan wujudnya tabungan modal sosial dalam komuniti terbabit dan keupayaan institusi menjadi sumber kuasa (misalnya menguruskan kutipan kewangan).



Rajah 2. Pemetaan kemunculan modal sosial dan kuasa penyebab (*causal power*) dalam proses penjanaan struktur sosial

Konseptualisasi pembangunan komuniti yang dirumuskan dalam artikel ini adalah berasaskan pendekatan bukan konvensional. Lazimnya pembangunan komuniti dilihat secara keseluruhan sebagai mewakili proses generik yang menyumbang kepada pengembangan dan peningkatan kualiti hidup, misalnya melalui analisis statistik. Oleh yang demikian, pembangunan komuniti sering dinilai secara konvensional berdasarkan indikator atau petunjuk piawai seperti kadar kemiskinan, tahap kualiti hidup dan tahap sosioekonomi. Pendekatan yang cuba dirumuskan dalam perbincangan ini sebaliknya cuba menggabungkan analisis teoritikal tentang konsep pembangunan atau pengembangan komuniti dengan memperincikan proses penjanaan sumber

(modal sosial) dalam pelbagai tahap organisasi sosial komuniti mengikut skema teori strukturasi dan pendekatan falsafah realisme kritikal. Hasilnya proses pembangunan komuniti boleh digarap secara lebih terperinci dengan memperlihatkan bagaimana interaksi dan pembentukan struktur sosial boleh dipetakan dan bagaimana hasil pemerhatian sebegini boleh dimanfaatkan untuk tujuan analisis dan penyelidikan. Pendekatan ini juga mampu menjana input yang terperinci bagi tujuan pembentukan hipotesis dan kajian yang lebih sistematik tentang proses pembangunan komuniti.

Penutup

Konseptualisasi struktur sosial dan modal sosial, dan pendekatan realisme kritikal yang dibincangkan dalam artikel ini menggambarkan kerumitan yang timbul apabila konsep abstrak cuba diperincikan ke dalam konteks pemahaman fenomena sosial. Tugas sosiologis adalah menformulasikan kaedah kajian dan penerokaan serta wacana sosiologikal yang mampu mengambil kira faktor setempat sebagai sebahagian daripada pemboleh ubah kompleks yang perlu diambilkira dalam merumuskan sesuatu agenda berkaitan pembangunan komuniti. Sama ada matlamat akhirnya berbentuk penyelidikan, eksplorasi teori ataupun berkaitan rumusan dan pelaksanaan dasar, keupayaan mengaplikasi teori dan kerangka teori ke dalam analisis sesuatu fenomena seharusnya mampu menzahirkan kefahaman yang lebih jitu tentang fenomena tersebut.

Penghasilan kerangka konseptualisasi seperti yang cuba dianjurkan dalam artikel ini mewakili satu contoh bagaimana analisis terhadap fenomena pembangunan komuniti yang menggabungkan perspektif teoritikal berbeza mampu menambah kejutuan kefahaman terhadap realiti fenomena tersebut. Implikasi yang muncul dalam konteks ini ialah unsur yang bersifat subjektif seperti kepercayaan dan keyakinan terhadap konsep kebaikan dan keburukan seharusnya diberikan tempat dalam wacana dan pemikiran berkaitan pembangunan, dan bukan hanya dikesampingkan atas dasar bahawa ia tidak empirik (Smith, 2003). Melalui perbincangan yang berpaksikan dua konsep utama dalam wacana sosiologikal kontemporari struktur sosial dan modal sosial, artikel ini telah menyumbang idea ke arah menghasilkan konseptualisasi teoritikal permulaan yang meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap fenomena agama dalam proses pembangunan komuniti.

Rujukan

- Ahmad Shukri Abdul Hamid & Mohammad Reevany Bustami. (2010). *Social capital of the religious kind: Implications for multicultural Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Rethinking Realities, Reexamining Pluralism: Future Landscapes for Pluralism in Democratic Societies. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 14 - 15 Disember 2010.
- Archer, M. S. (1995). *Realist social theory: The morphogenetic approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Archer, M., Bhaskar, R., Collier, A., Lawson, T., & Norrie, A. (1998). *Critical realism: Essential readings*. London: Routledge.
- Bhaskar, R. (2008). *A realist theory of science*. London: Routledge.
- Bryant, C. G. A., & Jary, D. (2001). Anthony Giddens: a global social theorist. Dlm. C.G. A. Bryant & D. Jary. (Peny.), *The contemporary giddens: Social theory in a globalizing age* (hlm. 3-43). London: Palgrave Macmillan.
- Christenson, J. A., Fendley, K., & Robinson, J. (1989). Community development. Dlm. J. A. Christenson & J. Robinson (Peny.), *Community development in perspective* (hlm. 3-25). Ames: Iowa State University Press.
- Coleman, J. S. (1988). Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, S95-S120.
- Collier, A. (1994). *Critical realism: An introduction to Roy Bhaskar's philosophy*. London: Verso.
- Dasgupta, P., & Serageldin, I. (2001). *Social capital: A multifaceted perspective*. Washington, D.C: World Bank.
- DePhilippis, J. & Saegert, S. (2008). Communities develop: The question is how? Dlm. J. DePhilippis & S. Saegert (Peny.), *The Community Development Reader* (hlm. 1-6). New York: Routledge.
- Durkheim, É. (1951). *Suicide a study in sociology* (J. A. Spaulding & G. Simpson, Terjemahan.). Glencoe, Ill.: The Free Press.
- Durkheim, É. (1964). *The rules of sociological method*. New York: Free Press.
- Elder-Vass, D. (2010) The causal power of discourse. *Journal for the Theory of Social Behaviour*, 41 (2), 143-160.
- Gellner, E. (1984). *Muslim society*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Giddens, A. (1979). *Central problems in social theory: Action, structure, and contradiction in social analysis*. California: University of California Press.
- Giddens, A. (1984). *The constitution of society: Outline of the theory of structuration*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Gittell, R. J. & Vidal, A. (1998). *Community organizing: Building social capital as development strategy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Green, P. G. & Haines, A. (2002). *Asset building and community development*. London: Sage Publications.

- Hardcastle, D. A., Powers, P. R., & Wenocur, S. (2011). *Community practice: Theories and skills for social workers*. New York: Oxford University Press.
- Healy, K. (1998). Conceptualising constraint: Mouzelis, Archer and the concept of social structure. *Sociology*, 32(3), 509-522.
- International Cooperation Administration (1956). *Airgram circular: Community development guidelines*, October 27, Washington, D.C.
- Krishna, A. (2002). *Active social capital*. New York: Columbia University Press.
- Nadel, S. F. (2004). *The theory of social structure*. London: Routledge.
- Onyx, J., & Leonard, R. (2010). The conversion of social capital into community development: an intervention in Australia's Outback. *International Journal of Urban and Regional Research*, 34(2), 381-397.
- Phillips, R., & Pittman, R. H. (2009). A framework for community and economic development. Dlm. R. Phillips & R. H. Pittman (Peny.), *An introduction to community development* (hlm. 3-19). New York: Routledge.
- Parsons, T. (1991 [1951]). *Social system*. London: Routledge.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. New York: Simon and Schuster.
- Putnam, R. D. & Campbell, D. E. (2010). *American grace: How religion divides and unites us*. New York: Simon and Schuster.
- Sanders, I. T. (1989). The concept of community development. Dlm. L. J. Cary (Peny.), *Community development as a process* (hlm. 9-31). Missouri: University of Missouri Press.
- Sayer, A. (1992). *Method in social science: A realist approach*. London: Routledge.
- Schneider, J. A. (2006). *Social capital and welfare reform*. New York: Columbia University Press.
- Scott, J. (2001). Where is social structure? Dlm. J. Lopez & G. Potter. (Peny.), *After postmodernism: An introduction to critical realism* (hlm. 77-85). London: The Athlone Press.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan (2001). Islamization and the emerging civil society in Malaysia: a case study. Dlm. M. Nakamura, S. Siddique & O. F. Bajunid (Peny.) *Islam and civil society in South East Asia*. Singapore: Institute of South East Asian Studies.
- Skocpol, T. (1984). Emerging agendas and recurrent strategies in historical sociology. Dlm. T. Skocpol (Peny.), *Vision and method in historical sociology* (hlm. 356-391), New York: Cambridge University Press.
- Smith, C. (2003). Theorizing religious effects among American adolescents. *Journal of Scientific Study of Religion*, 42(1), 17-30.
- Stones, R. (2005). *Structuration theory*. New York: Palgrave MacMillan.
- Williams, R. (1983). *Keywords: A vocabulary of culture and society*. New York: Oxford University Press.